

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1990/1991**

Jun 1991

BST 424/3: EKOLOGI HIDUPAN LIAR & PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BST 424/3)

1. Terangkan tentang tajuk berikut:

(i) Keperluan nutrisi dalam mempengaruhi keupayaan membawa

(10 markah)

(ii) Penghijrahan hidupan liar

(10 markah)

2. Pembiakan tuntung (Batagur baska) merupakan usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di Bukit Pinang, Alor Setar Kedah dan dua lagi tempat di Malaysia dalam usaha untuk mengelakkan haiwan ini daripada pupus. Pada pendapat anda adakah semua usaha pengurusan yang telah dijalankan memadai bagi tujuan di atas? Bincangkan.

(20 markah)

3. (i) Di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 72/76, pelbagai jenis burung telah disenaraikan sama ada dilindungi sepenuhnya atau dilindungi. Apakah perbezaan di antara kedua bahagian ini. Berikan dua nama burung (nama saintifik dan nama umum) bagi tiap-tiap kelas tersebut.

. . . 3/-

(BST 424/3)

- (ii) Jika seseorang ingin menyimpan 2 ekor murai batu apakah yang perlu beliau lakukan bagi memastikan yang beliau tidak menyalahi Akta Perlindungan Hidupan Liar 72/76?

(20 markah)

4. Bincangkan peranan badan-badan di bawah dari segi pengurusan hidupan liar:

- (i) Zoo (7 markah)
(ii) Taman haiwan seperti taman ular dan taman burung (7 markah)
(iii) Muzium (6 markah)

5. Bincangkan tentang pengurusan yang telah dijalankan di negara ini bagi mana-mana 2 spesies yang di bawah.

- (i) Rusa (Cervus unicolor) (6 markah)
(ii) Mawas (Pongo pymaeus) (7 markah)
(iii) Gagak (Corvus splendens) (7 markah)

6. Terangkan peranan yang dimainkan oleh PERHILITAN (Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara) dan CITES (Convention on International Trade of Endangered Species) di dalam pengurusan hidupan liar di negara ini.

(20 markah)